

PENGHASILAN DAN PENILAIAN VIDEO DOKUMENTARI PELEPASAN DIRI
DAN REBAT CUKAI UNTUK KEGUNAAN PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN BAGI SUBJEK PENCUKAIAN MALAYSIA 1 KURSUS
DIPLOMA AKAUNTANSI DI POLITEKNIK PORT DICKSON

KHAIRULNIZAN BIN ABDUL KADIR

Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2003

Teristimewa buat ayahanda; Abdul Kadir Nazeer Ahmad dan bonda; Azizah Mat Daud.

Pengorbanan kalian penyuntik semangat untuk meneruskan perjuangan ini.

Juga buat adik-adik; Khairul Afandi,, Khairul Anuar, Khairuddin dan Siti Khairani.

Jutaan terima kasih buat pensyarah-pensyarah yang banyak membantu dan memberi panduan.

*Buat teman seperjuangan; Azmi, Faizal, Rafie, Hafiz, Ajrul, Norman, Nazri, Mazrul, Saiful
dan teman-teman lain yang memberi dorongan dan bantuan.*



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan taufik dan inayahnya memberikan kekuatan kepada saya untuk menyiapkan projek sarjana ini.

Jutaan penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada penyelia Projek Sarjana 1, En. Mohd. Akbal bin Abdullah dan penyelia Projek Sarjana 2, En. Mahmad Amir bin Radzali di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar mereka dalam menyiapkan kajian projek sarjana ini. Tidak lupa juga kepada ahli-ahli panel yang lain yang sudi berkongsi pengalaman dan tunjuk ajar serta bimbingan yang berguna. Sesungguhnya ilmu yang dicurahkan itu amat bermakna dan tinggi nilainya.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Ketua Jabatan Perdagangan, Politeknik Port Dickson yang sudi membenarkan saya menjalankan kajian di sana. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat Puan Siti Norsarenah Md. Sarip, pensyarah Pencukaian Malaysia 2 di Politeknik Port Dickson dan pelajar-pelajar DAT 6 yang telah memberikan kerjasama sebaiknya sepanjang kajian ini dijalankan.

Buat-teman-teman seperjuangan yang banyak memberikan dorongan, semangat, teguran dan bantuan kepada saya sepanjang kajian ini dijalankan, terima kasih diucapkan. Hanya tuhan yang boleh membalas budi kalian. Terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini cuba memperkenalkan penggunaan video dokumentari sebagai alat bantu mengajar yang berkesan dalam pengajaran subjek Pencukaian Malaysia 1 untuk topik Pelepasan Diri dan Rebat Cukai di politeknik di Malaysia. Fokus kajian ini ialah untuk melihat penerimaan pelajar terhadap video dokumentari yang dihasilkan dengan mengambilkira aspek isi kandungan dan persembahan pengajarannya. Seramai 38 orang responden yang terdiri daripada pelajar semester enam kursus Diploma Akauntansi di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan telah dipilih sebagai sampel kajian. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 11.5. Dapatan kajian menunjukkan berlakunya peningkatan tahap pemahaman responden selepas menggunakan video dokumentari. Purata skor min iaitu 3.29 untuk aspek isi kandungan dan 3.33 untuk aspek persembahan pengajaran menunjukkan penerimaan responden terhadap keupayaan video dokumentari. Tahap pencapaian mereka juga meningkat sebanyak 16% berdasarkan kepada perbezaan min markah ujian awal dan ujian akhir. Dapat disimpulkan video dokumentari yang dihasilkan adalah sesuai digunakan sebagai alat bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk subjek Pencukaian Malaysia 1.

ABSTRACT

The purpose of this research is to introduce a video documentary as part of the teaching tools for the subject Malaysian Taxation 1 under the topic Personal Relief and Tax Rebate in Malaysian polytechnics. This research focuses on evaluating the student's acceptance of the video documentary which consists of the subject content and instructional presentation. The findings involved 38 respondents taken from the sixth semester student pursuing for Diploma in Accountancy at Polytechnic Port Dickson, Negeri Sembilan. Data collected was analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 11.5. The findings show that there is improvement on level of knowledge after using the video documentary material. The average mean score of 3.29 for subject content and 3.33 for instructional presentation show that there is high acceptance on the video documentary. In addition, based on the differences between the mean score of pre test and post test, there was an increase in their performance of up to 16%. This proves the video documentary is suitable as one of the teaching tools in the teaching and learning process of Malaysian Taxation 1.



KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	PENGAKUAN PENULIS	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB I	Pengenalan	
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	3
	1.2 Pernyataan Masalah	6
	1.3 Persoalan Kajian	7
	1.4 Ojektif Kajian	7

1.5	Kerangka Teori	8
1.6	Skop Kajian	9
1.7	Kepentingan Kajian	10
1.8	Definisi Istilah	11
1.9	Penutup	12

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.0	Pendahuluan	13
2.1	Penggunaan Teknologi dalam Pendidikan	14
2.2	Kepentingan Media dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	16
2.3	Pengaplikasian Prinsip Pedagogi dalam Penggunaan Bahan Media	17
2.4	Penggunaan Video Sebagai Alat Pembelajaran	20
2.5	Penggunaan Elemen Audio dalam Video	23
2.6	Penggunaan Elemen Visual dalam Video	25
2.7	Pelepasan Diri dan Rebat Cukai	26
2.8	Isu dan Cabaran Penggunaan ABBM di Politeknik	27
2.7	Kesimpulan	29

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan	30
3.1	Reka Bentuk Kajian	30
3.2	Prosedur Kajian	31
3.3	Responden	33
3.4	Sumber Data	34
3.5	Instrumen Kajian	36
3.6	Kajian Rintis	37
3.7	Pengumpulan Data	39
3.8	Kaedah Analisis Data	39
3.8.1	Analisis Kuantitatif	40

3.9	Andaian	41
3.10	Batasan Kajian	41
3.11	Penutup	42

BAB IV REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN PRODUK

4.0	Pendahuluan	43
4.1	Reka Bentuk Produk	44
4.1.1	Penghasilan Video Dokumentari	44
4.1.2	Matlamat Penghasilan Produk	44
4.1.3	Objektif Penghasilan Produk	45
4.1.4	Kerangka Teori Penghasilan Produk	46
4.1.5	Kandungan Video Dokumentari	48
4.1.6	Sasaran Penggunaan Video Dokumentari	47
4.1.7	Kegunaan Video Dokumentari	48
4.1.8	Batasan Video Dokumentari	48
4.1.9	Kelebihan Video Dokumentari	49
4.1.10	Penilaian Produk	49
4.2	Pembangunan Produk	50
4.2.1	Kronologi Pembikinan Produk	50
4.2.2	Langkah-Langkah dalam Proses Penerbitan Video	53
4.2.3	Elemen dalam Penghasilan Video	54
4.3	Kesimpulan	55

BAB V ANALISIS DATA

5.0	Pendahuluan	56
5.1	Analisis Data Ke Atas Instrumen Borang Soal Selidik	57
5.1.1	Analisis Maklumat Latar Belakang Responden	58
5.1.1.1	Jantina	58
5.1.1.2	Kumpulan Umur	59
5.1.1.3	Kelayakan Masuk Ke Politeknik	60

5.1.1.4	Pernah Menonton Video Pendidikan Berkaitan Subjek Pencukaian	60
5.1.2	Analisis Penilaian Video Dokumentari	61
5.1.2.1	Aspek Isi Kandungan	62
5.1.2.2	Aspek Persembahan Pengajaran	66
5.2	Analisis Ke Atas Ujian Awal dan Ujian Akhir	72
5.3	Kesimpulan	74

BAB VI PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.0	Pendahuluan	75
6.1	Perbincangan	76
6.1.1	Latar Belakang Responden	76
6.1.2	Kesesuaian Aspek Isi Kandungan	77
6.1.3	Penggunaan Elemen Persembahan Pengajaran yang Sesuai dan Menarik Minat Pelajar	78
6.1.4	Tahap Pencapaian Pelajar	79
6.2	Kesimpulan	79
6.3	Cadangan	80
6.3.1	Cadangan Pembaikan Video Dokumentari	80
6.3.2	Cadangan Penggunaan Video Dokumentari di Politeknik	81
6.3.3	Cadangan Kajian Akan Datang	82

RUJUKAN	84
----------------	-----------

LAMPIRAN	89
-----------------	-----------

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Nilai Skor Berdasarkan Darjah Persetujuan	37
3.2	Jadual Tafsiran Min	40
5.1	Bilangan Responden Mengikut Jantina	58
5.2	Bilangan Responden Mengikut Umur	59
5.3	Bilangan Responden Mengikut Kelayakan	50
5.4	Bilangan Responden yang Pernah dan Tidak Pernah Menonton Video Pendidikan Berkaitan Subjek Pencukaian	61
5.5	Analisis Skor Min dan Peratusan Bagi Aspek Isi Kandungan	63
5.6	Skor Min dan Peratusan Bagi Aspek Persembahan Pengajaran	67
5.7	Ujian Sampel Berpasangan	73
5.8	Analisis Sampel Berpasangan	73



PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TUN ABU AMINAH

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori	9
3.1	Kerangka Operasi untuk Prosedur Kajian	32
4.1	Kerangka Penghasilan Produk	46
4.2	Kronologi Penghasilan Produk	50
4.3	Langkah-Langkah dalam Proses Penerbitan Video	53
4.4	Elemen-Elemen dalam Penerbitan Video	54



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN

HURAIAN PENUH

ABBM	Alat Bahan Bantu Mengajar
CD	<i>Compact Disk</i>
DVD	<i>Digital Versatile Disk</i>
JPTV	Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
JPTEK	Jabatan Pendidikan Teknikal
KUiTTHO	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LCD	<i>Liquid Crystal Display</i>
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
VCD	<i>Video Compact Disk</i>



SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	89
B	Set Soalan Ujian dan Skema Pemarkahan	94
C	Skrip Video	101
D	Proses Pembikinan Video Dokumentari	112
E	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	115
F	Borang Pengesahan Pakar	117
G	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis	120
H	Sukatan Pelajaran Pencukaian Malaysia 1	125



PT TANA ALITHIM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

Pengenalan

1.0 Pendahuluan

Sistem pendidikan memainkan peranan yang utama dalam melaksanakan perubahan yang radikal dalam usaha untuk menghasilkan generasi muda yang dilengkapi dengan kemahiran, pengetahuan dan sikap positif untuk menghadapi cabaran perkembangan pesat era teknologi maklumat. Sistem pendidikan perlu bergerak seiring dengan kemajuan dan kepesatan teknologi. Justeru, penggunaan alat-alat elektronik dan komunikasi amatlah penting dan diperluaskan penggunaannya dalam bidang pendidikan. Sistem pembelajaran secara tradisional perlulah diadun dengan penggunaan teknologi media dalam usaha meningkatkan minat, pemahaman dan ingatan para pelajar. Moldstad (Yusup, 1998) berpendapat media jika digunakan bersama pengajaran ala tradisional akan meningkatkan proses pembelajaran pelajar.

Teknologi pendidikan memainkan peranan dan fungsi yang penting dalam mempelbagaikan lagi proses pengajaran dan pembelajaran. Pembangunan produk dalam teknologi pendidikan boleh membantu menghasilkan suatu persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang efisien dan efektif dengan melibatkan peringkat

merekabentuk, pelaksanaan dan pemilihan proses pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai peralatan dan sumber (Baharuddin *et al*, 2000). Justeru, teknologi pendidikan seharusnya dapat membantu mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang menyeluruh dan bersepadu.

Pendidikan masa kini mempunyai kaitan yang rapat dengan perubahan dalam bidang sains, teknologi, industri dan perdagangan memandangkan situasi semasa penuh dengan penemuan dan ciptaan-ciptaan baru dalam hampir semua bidang kehidupan. Proses pengajaran dan pembelajaran perlu berubah selaras mengikut arus kemajuan teknologi masa kini. Perkembangan sebegini dalam bidang pendidikan menjadikan maklumat lebih mudah diakses, disebar dan disimpan manakala kecanggihan serta kemampuannya menyampaikan sesuatu maklumat secara cepat, tepat dan menarik dalam bentuk multimedia menjadikannya sebagai satu daya tarikan ke arah mewujudkan satu senario belajar yang menyeronokkan (Ismail, 2002b). Dengan penggunaan video atau alat interaktif dan multimedia yang lain, pemahaman pelajar akan lebih jelas kerana mereka dapat melihat dan mendengar perkara yang berkaitan dengan pelajaran mereka. Usaha untuk menghasilkan sesuatu bahan yang dapat membantu mempelbagaikan dan memperbaiki bahan-bahan pengajaran yang sedia ada seharusnya dilakukan supaya bahan pengajaran dan pembelajaran akan menarik dan tidak membosankan pelajar. Kajian yang dilakukan oleh Sandholtz (1997) mendapati penggunaan teknologi di sekolah boleh meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Terdapat pelbagai alat bahan bantu mengajar yang boleh dimanfaatkan oleh pendidik dalam menyampaikan maklumat dan pengetahuan kepada pelajar. Alat bantu mengajar boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu media elektronik dan media bukan elektronik. Media elektronik yang boleh digunakan sebagai alat bantu mengajar adalah seperti radio, komputer, video, televisyen dan sebagainya manakala media bukan elektronik termasuklah gambar, sampel, keratan akhbar dan sebagainya. Salah satu kaedah pembelajaran secara elektronik ialah dengan menggunakan tayangan video mengenai sesuatu subjek yang dipelajari. Tujuan penggunaan

tayangan video ini adalah untuk menarik minat pelajar dan menambahkan pemahaman pelajar terhadap sesuatu perkara yang dipelajari.

Video merupakan salah satu bahan pelajaran yang mempunyai potensi yang baik untuk menarik perhatian pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran kerana video berkebolehan menyampaikan mesej dan maklumat dengan berkesan dari satu pihak kepada pihak lain. Video mempunyai kelebihan kerana mempunyai kebolehan ulang tayang semula dengan cepat dan program-program di dalamnya boleh dibuat dengan pelbagai versi bahasa dalam pita yang sama selain boleh digunakan untuk tujuan latihan secara langsung. Video juga boleh digunakan untuk merangsang perbincangan dan perdebatan serta menyalurkan ilmu pengetahuan dengan cara yang lebih mudah difahami, menarik dan merangsang keintelektualan.

1.1 Latar Belakang Masalah

Dick dan Reiser menyatakan bahawa pembelajaran berkesan adalah pembelajaran yang menyeronokkan (Ismail, 2002b). Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berkesan memerlukan pelajar yang berminat terhadap apa yang dipelajari dan tenaga pengajar yang komited terhadap tugasnya. Penyampaian bahan pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan pelbagai akan menarik minat pelajar dan menjadikan aktiviti mendapatkan ilmu pengetahuan lebih berkesan dan memotivasikan. Menurut Maimunah (1998), kecemerlangan pelajar sering dikaitkan dengan kecemerlangan sekolah manakala kecemerlangan sekolah dilihat dari kecemerlangan guru. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih menekankan kepada penguatkuasaan fakta menyebabkan tanggapan sempit pelajar terhadap pelajaran. Akibatnya pelajar akan kurang berminat dan motivasi untuk belajar akan berkurangan. Pelajar juga kurang berminat dengan kaedah pembelajaran konvensional yang lebih bersifat satu hala. Oleh itu, adalah menjadi tugas guru atau pensyarah untuk menimbulkan perasaan minat belajar di kalangan pelajar.

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran perlulah dipelbagaikan supaya dapat menarik minat pelajar. Kebestarian sesuatu pengajaran bergantung kepada keupayaan seseorang guru mengintegrasikan aspek pedagogi, psikologi dan teknologi dalam proses penyampaian ilmu (Ismail, 2002a).

Terdapatnya kekangan dan masalah di dalam bilik darjah menyebabkan pelajar tidak dapat menerima sepenuhnya maklumat yang disampaikan oleh pengajar. Kadang-kadang terdapat konsep-konsep atau gambaran tertentu yang tidak dapat diperjelaskan oleh pengajar dalam kuliah biasa. Pelajar yang hanya mendengar apa yang diperkatakan oleh pengajar dan kadang kala ditunjukkan dengan gambaran statik mengenai sesuatu benda atau perkara, akan cenderung untuk mempunyai persepsi dan tanggapan yang samar mengenai sesuatu perkara. Pensyarah seharusnya sedar akan wujudnya perbezaan individu di kalangan pelajar mereka seperti keupayaan penerimaan pelajar terhadap pelajaran seperti terdapatnya pelajar lemah yang tidak dapat memahami apa yang diajar dengan hanya membaca atau mendengar pengajaran pensyarah. Perbezaan yang wujud di kalangan pelajar merupakan satu faktor mengapa sesetengah pelajar tidak dapat menguasai ilmu yang diajar di dalam kelas. Menurut Zaidatul dan Habibah (2000), terdapat tiga faktor yang perlu dipertimbangkan berkaitan dengan perbezaan individu ini iaitu:

- i. Individu berbeza dari segi fizikal, minat, kebolehan, kecenderungan, pengalaman, latar belakang keluarga, sikap dan matlamat.
- ii. Individu belajar mengikut cara sendiri dan kadar kepantasan sendiri. Mereka berbeza dari segi kaedah yang digunakan untuk mendapatkan pengetahuan dan juga darjah kecekapan yang dicapai.
- iii. Pembelajaran setiap individu dipengaruhi oleh minat, pengalaman lalu dan matlamat masa depan.

Pelajar juga didapati kurang berminat terhadap bahan elektronik seperti video dokumentari pendidikan berbanding hiburan. Menurut Mohamad (2000), penonton video di Malaysia lebih menggemari filem video bercorak hiburan seperti filem careka berbanding filem bercorak pendidikan seperti sains fiksyen, dokumentari,

kartun dan sebagainya. Filem bercorak dokumentari tidak mendapat perhatian ramai penonton kerana pada pandangan mereka ia kurang menyeronokkan. Keseronokan membawa implikasi pelajar tertarik dan berminat untuk belajar (Ismail, 2002b). Perkembangan teknologi telah dapat mempelbagaikan perkakasan dan perisian dalam sistem penyampaian. Teknologi fotografi yang berkembang menyebabkan terdapatnya gambar-gambar yang digunakan sebagai satu rujukan disusuli dengan media elektronik seperti radio, televisyen, filem, video, VCD, DVD dan perkembangan dalam teknologi maklumat seperti telesidang dan komputer terutamanya dalam bidang multimedia (Ismail, 2002b). Walaupun perkembangan ini banyak memberi sumbangan terhadap dunia hiburan tetapi tidak dapat disangkal dalam pendidikan, perkembangan ini dapat memberi kesan yang positif dalam proses pembelajaran (Ismail, 2002b). Justeru, filem video bercorak dokumentari berkaitan dengan sejarah, sosial, ekonomi, pendidikan, saintifik memperlihatkan kemajuan dan pencapaian sesebuah negara perlu diperbanyakkan di pasaran dalam usaha meningkatkan penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Mohamad, 2000).

Dapatan kajian oleh Yusup pada tahun 1991 (dalam Yusup, 1998) bagi menilai pembangunan media di institusi pendidikan tinggi di Malaysia mendapati bahawa pihak pentadbiran universiti dan kolej kurang komited dalam menyediakan kemudahan infrastruktur media pendidikan yang meliputi kemudahan fizikal dan kakitangan media. Institusi juga kurang komited membekalkan sumber-sumber media dan perkhidmatan media yang diperlukan oleh fakulti bagi meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Seharusnya, setiap institusi pendidikan terutamanya di peringkat pengajian tinggi mempunyai program media pendidikan yang dapat memberi khidmat media dan kepakaran dalam pembinaan bahan pengajaran.

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pencukaian Malaysia 1 di Politeknik Port Dickson adalah berasaskan kaedah pengajaran konvensional di bilik darjah iaitu pensyarah membuat penerangan dan pelajar mendengar sambil menyalin nota. Kaedah sedemikian yang tidak menitikberatkan perbezaan individu di kalangan

pelajar menyebabkan terdapatnya kalangan pelajar yang tidak dapat melajar sepenuhnya. Pelajar juga perlu menyalin nota dan contoh soal di bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang menyebabkan sebilangan pelajar gagal memberi tumpuan sepenuhnya semasa di bilik darjah. Lebih malangnya apabila terdapatnya sebilangan pelajar yang tidak menyalin nota atau mempunyai nota yang tidak teratur. Kaedah pengajaran konvensional juga didapati kurang memotivasikan pelajar dan minat untuk belajar juga berkurangan kerana pensyarah menggunakan kaedah yang hampir sama semasa menerangkan isi pelajaran.

Dalam konteks pengajaran di Politeknik Port Dickson pula, pensyarah didapati terlalu menumpukan kepada penggunaan papan putih dan buku teks dalam menerangkan bahan pelajaran kepada pelajar. Kurangnya bahan bantu mengajar telah menghadkan pilihan pensyarah untuk menggunakan bahan yang pelbagai dan menarik dalam proses pengajarannya. Kemudahan pengajaran yang terhad seperti overhead projektor dan LCD telah menyebabkan pilihan pensyarah untuk menggunakan alat-alat bantu pengajaran tersebut agak terbatas. Bilik darjah hanya disediakan papan putih dan pensyarah perlu mengambil inisiatif sendiri dengan membuat tempahan untuk menggunakan alat bantu pengajaran yang lain.

1.2 Pernyataan Masalah

Hasil perbincangan daripada latar belakang masalah di atas, maka pengkaji mendapati bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran konvensional di bilik darjah untuk subjek Pencukain Malaysia 1 di Politeknik Port Dickson telah menyebabkan pelajar kurang tumpuan dan minat. Seharusnya bahan pembelajaran dipelbagaikan menggunakan teknologi media dalam usaha menarik minat dan meningkatkan penguasaan pelajar. Kajian ini berhubung dengan penghasilan dan penilaian video dokumentari mengenai topik Pelepasan Diri dan Rebat Cukai untuk dijadikan alat

pelajar menyebabkan terdapatnya kalangan pelajar yang tidak dapat mengikuti pelajaran sepenuhnya. Pelajar juga perlu menyalin nota dan contoh soalan di bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang menyebabkan sebilangan pelajar gagal memberi tumpuan sepenuhnya semasa di bilik darjah. Lebih malang lagi apabila terdapatnya sebilangan pelajar yang tidak menyalin nota atau mempunyai nota yang tidak teratur. Kaedah pengajaran konvensional juga didapati kurang memotivasikan pelajar dan minat untuk belajar juga berkurangan kerana pensyarah menggunakan kaedah yang hampir sama semasa menerangkan isi pelajaran.

Dalam konteks pengajaran di Politeknik Port Dickson pula, pensyarah didapati terlalu menumpukan kepada penggunaan papan putih dan buku teks dalam menerangkan bahan pelajaran kepada pelajar. Kurangnya bahan bantu mengajar telah menghadkan pilihan pensyarah untuk menggunakan bahan yang pelbagai dan menarik dalam proses pengajarannya. Kemudahan pengajaran yang terhad seperti overhead projektor dan LCD telah menyebabkan pilihan pensyarah untuk menggunakan alat-alat bantu pengajaran tersebut agak terbatas. Bilik darjah hanya disediakan papan putih dan pensyarah perlu mengambil inisiatif sendiri dengan membuat tempahan untuk menggunakan alat bantu pengajaran yang lain.

1.2 Pernyataan Masalah

Hasil perbincangan daripada latar belakang masalah di atas, maka pengkaji mendapati bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran konvensional di bilik darjah untuk subjek Pencukaian Malaysia 1 di Politeknik Port Dickson telah menyebabkan pelajar kurang tumpuan dan minat. Seharusnya bahan pembelajaran dipelbagaikan menggunakan teknologi media dalam usaha menarik minat dan meningkatkan penguasaan pelajar. Kajian ini berhubung dengan penghasilan dan penilaian video dokumentari mengenai topik Pelepasan Diri dan Rebat Cukai untuk dijadikan alat

bantu pembelajaran oleh pelajar yang mengikuti subjek Pencukaian Malaysia 1 di politeknik. Penghasilan video dokumentari ini diharap memberi manfaat dan dapat digunakan oleh para pelajar. Ia juga diharap menjadi perintis kepada penghasilan lebih banyak video dokumentari dalam bidang pendidikan terutamanya yang berkaitan dengan bidang perakaunan dan bidang-bidang utama lain.

1.3 Persoalan Kajian

Di antara persoalan-persoalan kajian bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Sejauh manakah Video Dokumentari Pelepasan Diri dan Rebat Cukai yang dihasilkan mempunyai isi kandungan yang sesuai serta mudah difahami?
- ii. Sejauh manakah Video Dokumentari Pelepasan Diri dan Rebat Cukai yang dihasilkan menggunakan persembahan pengajaran yang sesuai dan menarik minat pelajar?
- iii. Terdapatkah perbezaan signifikan antara pencapaian pelajar semasa ujian awal dan ujian akhir di kalangan pelajar yang menggunakan Video Dokumentari Pelepasan Diri dan Rebat Cukai?


1.4 Objektif Kajian

Dalam kajian yang dijalankan, pengkaji telah menetapkan objektif kajian sebagai panduan untuk mendapatkan hasil kajian yang dikehendaki. Objektif kajian ini ialah:

- i. Menghasilkan sebuah video dokumentari bertajuk Pelepasan Diri dan Rebat Cukai.
- ii. Menilai sejauh mana Video Dokumentari Pelepasan Diri dan Rebat Cukai yang dihasilkan memenuhi kehendak sukatan pelajaran di politeknik.
- iii. Menilai sejauh mana kesesuaian persembahan pengajaran yang dimuatkan dalam Video Dokumentari Pelepasan Diri dan Rebat Cukai.
- iv. Meninjau tahap peningkatan pencapaian pelajar setelah menggunakan Video Dokumentari Pelepasan Diri dan Rebat Cukai.

1.5 Kerangka Teori

Kajian ini dijalankan setelah pengkaji mengenalpasti masalah utama iaitu kaedah pembelajaran konvensional di bilik darjah menyebabkan pelajar kurang tumpuan dan minat. Justeru, pengkaji mengambil inisiatif dengan menggunakan teknologi media iaitu melalui penggunaan video dokumentari untuk mengatasi masalah tersebut. Video dokumentari yang dihasilkan diharap boleh menarik minat dan membantu meningkatkan kefahaman pelajar. Justeru, Video Dokumentari Pelepasan Diri dan Rebat Cukai dihasilkan oleh pengkaji adalah satu sumbangan untuk mempelbagaikan lagi bahan pengajaran pensyarah dan bahan pembelajaran pelajar. Dua aspek penting dalam pembikinan sesebuah video iaitu meliputi aspek visual dan audio diberi perhatian oleh pengkaji. Elemen yang terdapat dalam visual termasuk teks, gambar dan klip video manakala elemen audio termasuk suara latar, muzik latar dan kesan khas. Dalam kajian ini pengkaji ingin melihat sama ada isi kandungan yang terdapat dalam video menepati sukatan pelajaran dan sesuai untuk pelajar serta melihat keberkesanan persembahan pengajaran yang digunakan dalam video dokumentari. Kerangka utama yang ingin dilihat oleh pengkaji ialah sama ada video yang dihasilkan itu menarik minat pelajar dan boleh difahami oleh pelajar politeknik yang mengikuti kursus Pencukuaian Malaysia 1.



Rajah 1.1: Kerangka teori

1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini hanya tertumpu kepada penghasilan dan penilaian Video Dokumentari Pelepasan Diri dan Rebat Cukai yang dihasilkan pengkaji. Kajian ini dijalankan ke atas pelajar semester enam Diploma Akauntansi di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan yang telah mengambil subjek Pencukaian Malaysia 1 semasa di semester lima. Kajian menilai dari sudut kesesuaian isi kandungan video

berdasarkan sukatan pelajaran politeknik serta keberkesanan persembahan pengajaran video dalam meningkatkan minat dan kefahaman pelajar.

1.7 Kepentingan Kajian

i. Pelajar

Pelajar boleh menggunakan video dokumentari yang dihasilkan untuk mempelajari dan mengulangkaji mengenai topik Pelepasan Diri dan Rebat Cukai yang diajar kepada pelajar Diploma Akauntansi semester lima di politeknik.

ii. Pensyarah

Pensyarah boleh mempelbagaikan lagi kaedah pengajaran mereka dengan menggunakan video dokumentari yang dihasilkan. Selain itu, pendedahan kajian ini mengenai kepentingan penggunaan video dalam pendidikan diharap dapat menggalakkan lebih ramai pensyarah menyediakan bahan pengajaran dalam bentuk video untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

iii. Pembayar cukai

Video dokumentari yang dihasilkan ini juga diharap boleh digunakan oleh pembayar cukai untuk mengetahui dan memahami tentang pelepasan dan rebat yang boleh mereka tuntutan dalam pengiraan cukai.

RUJUKAN

Ahmad Mahdzan Ayob (2000). "Kaedah Penyelidikan Sains Sosial – Pengumpulan Data." Sintok: Universiti Utara Malaysia.

Alias Baba (1999). "Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial." Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azlida Ahmad (2000). "Merekabentuk Perisian Multimedia: 10 Elemen Utama Human Interface." *Wawasan*. 2. 15-22.

Baharuddin Aris, *et al.* (2000). "Siri Modul Pembelajaran Teknologi Pendidikan." Johor Bharu: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Baharuddin Aris, Rio Sumarni Shariffudin dan Manimegalai Subramaniam (2002). "Reka Bentuk Perisian Multimedia." Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Best, J. W. and Kahn, J. V. (1998). "Research in Educations." 8th ed. United States of America: Allyn and Bacon.

Borg, W. R. and Gall, M. D. (1983). "Educational Research: An Introduction." New York: Logman, Inc.

Chek Derashid dan Samihah Ismail (1999). "Pelepasan-pelepasan dan Rebat Cukai." Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

- Clark, R. E. (1996). "Media and Learning in Plomp, T and Ely D.P. (ed)." "International Encyclopedia of Educational Technology." 2nd ed. Cambridge: Pergamon.
- Ee, Ah Meng (1992). "Pedagogi - Satu Pengenalan." 3rd ed. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee, Ah Meng (1999). "Pendidikan di Malaysia I: Falsafah Pendidikan, Guru dan Sekolah." 2nd ed. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Fatimah Ali (1980). "Media Murah untuk Pengajaran - Pemilihan dan Pengeluaran." Kertas Kerja Seminar Kempen V, anjuran Persatuan Suluh Budiman. 6-8 Disember.
- Gould M. L. (1966). "Management Communication Through Audio-Visual Aids." London: Leonard Hill.
- Ismail Zain (2002a). "Aplikasi Multimedia dalam Pengajaran." Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Ismail Zain (2002b). "Pendidikan Bertaraf Dunia: Ke Arah Pembestarian Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran." http://www.tutor.com.my/tutor/motivasi/artikel/pendidikan_bertaraf_dunia1.htm
- Jaya Kumar C. Koran (2001). "Aplikasi E-Learning dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah-Sekolah Malaysia: Cadangan Pelaksanaan Pada Senario Masa Kini." *Jurnal BTP*. 3. 21-31.
- Jeyapalan Kasipillai dan Mustafa Mohd. Hanefah (1998). "Pencukaian Malaysia: Pentadbiran, Penaksiran dan Pematuhan Cukai." Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Maimunah Bujang (1998). "Persepsi Guru Tentang Program Perkembangan Staf di Sekolah: Satu Kajian di Beberapa Buah Sekolah Rendah Daerah Kuching." Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.

Mohamad bin Md. Yusoff (2000). "Media dan Masyarakat: Satu Kumpulan Esei." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Najib Abdul Ghaffar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Sheffie Abu Bakar (1995). "Metodologi Penyelidikan." 2nd ed. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mok Soon Sang (2002), "Pedagogi Untuk Kursus Diploma Pendidikan." Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Muhammad Zaki Ab. Muluk (2000). "Tahap Pengetahuan dan Penggunaan Internet dalam Mencari Maklumat di Kalangan Pelajar Tahun Satu Diploma Kejuruteraan di ITTHO." Institut Teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes Sarjana Pendidikan.

Ng, Wai Kong (2002). "Keberkesanan Multimedia Bantu Proses Pembelajaran." <http://www.lib.usm.my/bpp/new%20Folder/mmedia.html> (Akses: 21 Disember 2002).

Norliza Mohamed Piah (2001). "Siri Modul Pembelajaran, Modul Asas Rakaman Video." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes Sarjana Pendidikan.

Reynolds, A. and Anderson, R. A. (1992). "Selecting and Developing Media for Instruction." 3rd ed. New York: Van Nostrand Reinhold.

- Rozinah Jamaludin (2000). "Asas-asas Multimedia Dalam Pendidikan". Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Salkind, N. J. (2000). "Exploring Research." 4th ed. New Jersey: Prentice Hall.
- Sandholtz, J. (1997). "Teaching With Technology." New York: Colombia University.
- Slavin, R. E. (1992). "Research Methods in Education." 2nd ed.. USA: Allyn and Bacon.
- Sulaiman Ngah Razali (2002). "Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tomalin, C. (1986). "Video, TV & Radio in The English Class." London: Macmillan Publisher Ltd.
- Vierra, A., Pollock, J. and Golez, F. (1998). "Reading Educational Research." 3rd ed. Ohio: Prentice Hall.
- Volmont, W. J. (1995). "Greating Video for School Use." Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Yusnita Abdul Rahman (2003). "Pengetahuan Terhadap Penyediaan Rancangan Perniagaan: Satu Tinjauan di Kalangan Pelajar-Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Kejuruteraan KUiTTHO." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes Sarjana Pendidikan
- Yusup Hashim (1998). "Teknologi Pengajaran." Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Yusup Hashim dan Sharifah Alwiah Alsagoff (1999). "Pendidikan Jarak Jauh: Teori dan Amalan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaidatul Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Alias (2000). "Pengajaran – Pembelajaran Keusahawanan dan Ekonomi Asas." Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Zaidatun Tasir dan Mohd Salleh Abu (2003). "Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 for Windows." Kuala Lumpur: Venton Publishing.

<http://members.tripod.com/~SHAFFE/gunatv.htm> (Akses: 21 Disember 2002).

"Prinsip Penggunaan TV/Video dalam Pengajaran Pembelajaran.

www.hasil.net. (Akses 3 Februari 2003). "Sistem Taksir Sendiri."

